

Headline	Bantuan segera mangsa ribut		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	13 Feb 2019	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Selangor & KL	Page No	21
ArticleSize	382 cm ²	Journalist	ARZIANA
PR Value	RM 19,548		



Bantuan segera mangsa ribut

PKM DUN Permatang bantu gotong-royong rumah terjejas

ARZIANA MOHMAD AZAMAN

SAWAH SEMPADAN

Bantuan kelengkapan bumbung rumah akan disegerakan Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) DUN Permatang bagi meringankan beban mangsa ribut di Sawah Sempadan dan Kampung Parit Serong.

ADUN Permatang, Rozana Zainal Abidin menjelaskan, bantuan zink, kayu dan kanvas disegerakan untuk membaiki kerosakan bumbung rumah mangsa.

Menurutnya, bantuan itu bertujuan membaiki kerosakan

bumbung rumah manakala bagi kerosakan teruk akan dipinjamkan kepada agensi berkaitan dan kerajaan negeri.

"Ini kerana ada rumah yang rosak teruk di bumbung dan dinding rumah rebah akibat angin kuat yang memerlukan kos tinggi. Permohonan ini akan dipinjamkan segera.

"Buat masa ini, kita bagi bantuan zink dan kanvas sebab takut hujan lagi. Saya lihat kebanyakan rumah mangsa agak teruk dan perlu dibaiki segera," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Program Gotong-Royong Mangsa Ribut melibatkan hampir 100 sukarelawan, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Kera Raya, Tenaga Nasional Berhad, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Daerah Kuala Selangor, bomba dan penduduk setempat.

Pegawai Daerah Kuala Selangor, Shamsul Shahril Badliza Mohd Noor turut tu-



Ketua PKR Cabang Tanjung Karang, Mohd Yahya Mat Shari (tengah) bersama sukarelawan PKM DUN Permatang, agensi kerajaan dan penduduk membantu gotong-royong di rumah mangsa ribut.

run padang meninjau keadaan beberapa rumah penduduk ketika kunjungan ke kampung terjejas bersama wakil agensi.

Rozana berkata, setakat ini laporan diterima kesetruhan melibatkan lima kampung iaitu sebanyak 157 rumah dilaporkan terjejas akibat musibah ribut yang melanda kawasan itu sejak petang, Ahad lalu.

"Masa kejadian, saya berada Masjid Al Munawwarah Blok S bagi perasmian Karnival Anak Muda Masjid 2019 dan sebaik ribut reda, saya bersama sukarelawan Pusat Khidmat ADUN Permatang bergegas ke rumah yang terjejas.

"Alhamdulillah, tiada kemalangan jiwa dilaporkan. Sesi taklimat bencana untuk kese-

mua mangsa ribut di Dewan Kampung Seri Tiram Jaya dibuat Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Selangor.

"Sesi taklimat disertai JKPM, bomba dengan kerjasama Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) bagi lima kampung yang terlibat. Dalam masa yang sama, kerja pembersihan terus dijalankan JKR

Jumlah rumah mangsa ribut

DUN PERMATANG

- Blok STJ Sawah Sempadan 61
- Blok EQSW Sawah Sempadan 45
- Blok DKPV Sawah Sempadan 28
- Blok COJ Sawah Sempadan 13
- Kampung Parit Serong 10

DUN SUNGAI BURONG

- Mukim Tanjung Karang 1 13

dan TNB juga dalam kerja baik pulih bekalan elektrik.

"Tiada penempatan sementara dibuka kerana kebanyakan mangsa bermalam di rumah sendiri atau bermalam di rumah saudara. Saya juga memaklumkan kepada polis untuk menjalankan rondaan secara kerap di kawasan rumah terjejas," katanya.